

SULIT

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2015

5226/1

TASAWWUR ISLAM

Kertas 1

Nov./Dis.

1 $\frac{1}{4}$ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab **semua** bahagian.
4. **Bahagian A** mengandungi **20** soalan. Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul di halaman 12 di dalam kertas soalan ini.
5. **Bahagian B** mengandungi **20** soalan. Jawab **semua** soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan jawapan yang disediakan di dalam kertas soalan ini.
6. Anda dinasihati supaya mengambil masa 30 minit untuk menjawab soalan **Bahagian A** dan 45 minit untuk **Bahagian B**.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1 – 20	20	
B	21 – 40	20	
Jumlah		40	

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

5226/1 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

SULIT



Bahagian A

[20 markah]

- 1 Mengapakah terdapat dalam kalangan masyarakat Islam golongan yang mudah terlibat dengan ajaran sesat?
- A Mengamalkan syariat tanpa mendalami ilmu agama.
 - B Maklumat tentang ajaran sesat tidak didedahkan.
 - C Mempercayai imam al-Mahdi akan muncul.
 - D Muncul pelbagai ajaran baharu.
- 2 Antara yang berikut yang manakah sebab umat Islam gagal menangkis budaya asing yang negatif?
- A Menuntut ilmu di luar negara
 - B Mengutamakan hal keduniaan
 - C Mengamalkan kahwin campur
 - D Mementingkan budaya tempatan
- 3 Antara yang berikut yang manakah cara Islam menjamin hak asasi manusia bagi mewujudkan kedamaian hidup?
- I Bebas bertindak
 - II Bebas memiliki harta
 - III Bebas memberi pendapat
 - IV Bebas mengamalkan agama
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 4 Pilih antara yang berikut matlamat sistem sosial Islam.
- A Mendapatkan kepercayaan negara luar.
 - B Menjamin kemewahan hidup manusia.
 - C Memperoleh keredaan Allah SWT.
 - D Memantapkan ekonomi negara.

- 5 Pilih perkara yang penting dalam pembentukan ukhuwah Islamiah.
- A Bangsa dan agama
 - B Keimanan dan ketakwaan
 - C Warna kulit dan keturunan
 - D Sempadan negeri dan negara
- 6 Apakah kesan kepada negara apabila rakyat menunaikan tanggungjawabnya?
- A Ketinggian budi pekerti
 - B Peningkatan ekonomi
 - C Peningkatan ilmu
 - D Ketenangan jiwa
- 7 Antara yang berikut yang manakah faedah penghakiman yang adil terhadap individu?
- A Masyarakat hidup dalam keadaan aman.
 - B Negara akan dihormati oleh orang lain.
 - C Semua kaum akan berpuas hati.
 - D Menimbulkan ketenangan jiwa.
- 8 Mengapakah Islam mewajibkan umatnya bermuamalah mengikut syariat?
- A Mewujudkan keadilan.
 - B Memberi kemewahan hidup.
 - C Menjamin keuntungan sebelah pihak.
 - D Mengelakkan persaingan dalam perniagaan.
- 9 Antara yang berikut yang manakah syarat sah muamalah secara am?
- A Persetujuan daripada pihak penjual ketika akad jual beli.
 - B Transaksi muamalah boleh dilakukan oleh semua orang.
 - C Barangan yang diperniagakan belum pasti milik penjual.
 - D Transaksi yang dilakukan mesti bersih daripada unsur penipuan.

Yusof membeli sebuah motosikal dengan harga RM10 ribu. Pembayaran pembelian tersebut dipersetujui selama 24 bulan secara ansuran.

- 10 Situasi di atas merujuk kepada jenis muamalah _____.
- A al-Ijarah
 - B al-Wadiah
 - C al-Murabahah
 - D al-Bai bithaman ajil
- 11 Kesan pengabaian muamalah Islam terhadap individu ialah
- A amalan riba berleluasa.
 - B lahir sifat tamak haloba.
 - C pergaduhan akan berlaku.
 - D golongan kaya bertambah kaya.
- 12 Antara yang berikut yang manakah implikasi larangan pencerobohan harta?
- A Kehidupan orang miskin tidak terbela.
 - B Masyarakat bebas memiliki harta tanpa batas.
 - C Perpaduan dalam anggota masyarakat bertambah erat.
 - D Bimbang keselamatan harta dicerobohi oleh pihak lain.
- 13 Semua yang berikut ialah kesan sekiranya tiada pengiktirafan terhadap hak milik **kecuali**
- A harta tidak dapat diwarisi.
 - B manusia menjadi malas untuk berusaha.
 - C manusia tidak bebas menggunakan harta.
 - D harta menjadikan manusia bersifat sombong.
- 14 Pilih ciri kesempurnaan ibadat.
- A Memenuhi peraturan dalam beribadat.
 - B Menyempurnakan perintah Allah SWT.
 - C Mendidik manusia dari segi kebendaan.
 - D Mendapat pahala dan keredaan Allah SWT.

Menghalang seseorang daripada mendapat pahala.

- 15 Pernyataan di atas merujuk kepada implikasi melakukan hukum _____.
- A wajib
 - B sunat
 - C haram
 - D harus

Zaidi selalu mengungkit-ungkit pertolongan yang telah diberikan kepada jiran-jirannya untuk menyakitkan hati mereka.

- 16 Perbuatan di atas menerangkan maksud tentang _____.
- A ujub
 - B riak
 - C aza
 - D sum'ah
- 17 Antara yang berikut yang manakah ciri-ciri ilmu fardu kifayah?
- I Memberi faedah kepada manusia dan alam
 - II Berkaitan dengan kepentingan kehidupan dunia
 - III Memadai diamalkan oleh sebahagian umat Islam
 - IV Wajib diketahui dan diamalkan oleh semua umat Islam
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 18 Cara melaksanakan solat dijelaskan secara terperinci melalui _____.
- A al-Quran
 - B al-Hadis
 - C al-Ijmak
 - D al-Qias

- 19 Manakah antara yang berikut contoh ibadat tanpa syariat yang boleh merosakkan iman?
- A Berdoa di kubur yang dianggap keramat.
 - B Meninggalkan bacaan al-Fatihah dalam solat.
 - C Melakukan perbuatan yang dilarang semasa berpuasa.
 - D Berdoa dengan tidak memuji Allah SWT dan tidak berselawat kepada Rasulullah SAW.
- 20 Antara yang berikut yang manakah contoh ibadat umum?
- A Berdoa
 - B Bersedekah
 - C Menuntut ilmu
 - D Membaca al-Quran

Bahagian B

[20 markah]

Soalan 21 hingga Soalan 23

Tulis jawapan yang sesuai dengan pernyataan di bawah berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.

Rasuah	Wakaf	Zakat	Fitrah beragama	Fitrah akal
--------	-------	-------	-----------------	-------------

21 Naluri semula jadi manusia yang mengakui adanya Allah SWT.

22 Hak yang wajib ditunaikan ke atas harta yang telah cukup syarat-syaratnya.

23 Memberikan sesuatu barangan yang berharga kepada seseorang untuk mendapatkan sesuatu dengan cara yang salah.

Soalan 24 hingga Soalan 27

Lengkapkan pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.

al-Ijarah	khalifah	fatwa
ar-Rahn	anti hadis	ijtihad

24 Antara sistem muamalah Islam yang membantu umatnya untuk mendapatkan wang tunai dengan mencagarkan tanah dan barangan kemas ialah

25 Antara kesan fahaman ialah hilang rasa hormat terhadap Nabi Muhammad SAW.

26 Pemerintahan Islam hanya dapat ditegakkan dengan wujudnya wilayah yang diketuai oleh

27 Satu daripada keperluan yang diwartakan ialah dapat menghilangkan keraguan masyarakat terhadap hukum yang baharu.

Soalan 28 hingga Soalan 30

Tulis jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.

Istidraj	Sihir	Maunah	Karamah	Irhas
----------	-------	--------	---------	-------

1

Perkara luar biasa anugerah Allah SWT	Pernyataan	Contoh
28	Perkara luar biasa yang berlaku kepada orang yang tidak taat dan derhaka kepada Allah SWT untuk menyesatkannya lagi.	Qarun yang beroleh kekayaan yang luar biasa telah menjadi sombong dan kufur.
29	Perkara luar biasa yang dianugerahkan kepada manusia yang tinggi darjat di sisi Allah SWT.	Maryam yang dianugerahi hidangan dari langit ketika beribadat.
30	Perkara luar biasa yang berlaku kepada umat Islam tanpa diusahakan untuk mempelajarinya.	Seseorang terselamat daripada kemalangan yang dahsyat.

1

1

Soalan 31 dan Soalan 32

Tulis jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.

Liwat	Lesbian	Zina	Qazaf
-------	---------	------	-------

1


Jawapan	Pernyataan
31	Melakukan persetubuhan antara lelaki dengan lelaki.
Homoseksual	Orang yang tertarik nafsunya kepada orang yang sejenisnya.
32	Perempuan yang mengadakan hubungan seks sesama perempuan.

1

Soalan 33 dan Soalan 34

Carta A di bawah menunjukkan pembahagian hadis.

Tulis jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.



Carta A

33 X ialah

34 Y ialah

1


1

Soalan 35 dan Soalan 36

Carta B menunjukkan prinsip-prinsip Islam.

Tulis jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.

- Thabat
- Waqi'iyah
- Murunah
- Alamiyyah



Carta B

1

1

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 37 hingga Soalan 40

Tanda (✓) pada pernyataan yang betul.

Tanda (✗) pada pernyataan yang salah.

1

37 Bilangan rasul adalah ramai dan kita diwajibkan mengetahui 25 orang sahaja.

1

38 Manusia ialah makhluk yang paling istimewa di sisi Allah SWT kerana asal kejadiannya dicipta daripada tanah.

1

39 Tanggungjawab seorang suami ialah memberikan nafkah zahir dan batin kepada isterinya.

1

40 Semasa menentukan hukuman bagi kesalahan takzir, hakim tidak berhak menentukan sebarang hukuman.

KERTAS SOALAN TAMAT

Markah Bahagian B

HALAMAN KOSONG

KERTAS JAWAPAN

Bahagian A

- | | | | | | | | | | |
|----|-----|-----|-----|-----|----|-----|-----|-----|-----|
| 1 | (A) | (B) | (C) | (D) | 11 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 2 | (A) | (B) | (C) | (D) | 12 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 3 | (A) | (B) | (C) | (D) | 13 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 4 | (A) | (B) | (C) | (D) | 14 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 5 | (A) | (B) | (C) | (D) | 15 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 6 | (A) | (B) | (C) | (D) | 16 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 7 | (A) | (B) | (C) | (D) | 17 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 8 | (A) | (B) | (C) | (D) | 18 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 9 | (A) | (B) | (C) | (D) | 19 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 10 | (A) | (B) | (C) | (D) | 20 | (A) | (B) | (C) | (D) |

Markah Bahagian A

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2015

5226/2

TASAWWUR ISLAM

Kertas 2

Nov./Dis.

2 $\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **tujuh** soalan.
2. **Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.
3. Kesemuanya **lima** soalan yang mesti dijawab.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam buku jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

5226/2 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

SULIT

more examination papers at :
www.myschoolchildren.com



Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1 (a) (i) Nyatakan pengertian insan. [2 markah]
(ii) Terangkan **dua** tanggungjawab insan sesama insan. [4 markah]
- (b) Nyatakan **dua** cara Rasulullah SAW menerima wahyu. [2 markah]
- (c) Jelaskan **dua** ciri keistimewaan Islam. [4 markah]
- (d) Terdapat beberapa bentuk pengaruh asing yang bertentangan dengan Islam. Jelaskan **dua** sebab Islam menentang pengaruh tersebut. [4 markah]
- (e) Setiap kumpulan ajaran sesat mempunyai pengikut tegar. Mengapakah mereka masih meyakini ajaran tersebut walaupun bertentangan dengan logik akal? [4 markah]
- 2 (a) Jelaskan **dua** prinsip Syumuliyah. [4 markah]
- (b) Terangkan **dua** cara Islam menyelesaikan masalah rumahtangga berdasarkan prinsip Waqi'iyah. [4 markah]
- (c) (i) Senaraikan **empat** contoh murunah yang dapat anda lakukan dalam ibadat solat. [4 markah]
(ii) Huraikan **dua** kelebihan sifat murunah dalam beribadat. [4 markah]
(iii) Islam memberikan konsep murunah dalam aspek ibadat kerana mengambil kira sesuatu keadaan yang dihadapi oleh manusia.
Bincangkan kesan sekiranya tiada konsep murunah dalam ajaran Islam. [4 markah]

- 3 (a) (i) Jelaskan **dua** matlamat negara Islam. [4 markah]
(ii) Senaraikan **empat** elemen penting dalam pembentukan negara Islam. [4 markah]
- (b) (i) Terangkan **dua** etika kehakiman bagi seseorang hakim dalam menjalankan tugasnya. [4 markah]
(ii) Jelaskan **dua** matlamat sistem kehakiman Islam. [4 markah]
- (c) Tawakal bermaksud berserah kepada ketentuan Allah SWT setelah berusaha bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu.
Bagaimanakah cara anda merealisasikan amalan tersebut dalam menghadapi peperiksaan? [4 markah]
- 4 (a) (i) Nyatakan **dua** peraturan yang perlu dipatuhi dalam pemilikan harta. [2 markah]
(ii) Senaraikan **dua** golongan yang tidak layak menguruskan harta. [2 markah]
- (b) Huraikan **dua** kesan kehidupan bagi orang yang tidak bekerja. [4 markah]
- (c) Terangkan **dua** cara melaksanakan amanah Allah SWT melalui pekerjaan. [4 markah]
- (d) Senaraikan **dua** contoh muamalah yang tidak sah menurut Islam bagi setiap perkara berikut:
(i) Mengandungi unsur penindasan [2 markah]
(ii) Mengandungi unsur barangan yang tidak suci [2 markah]
- (e) Konsep at-Ta'awun (bekerjasama) terdapat dalam sistem muamalah Islam seperti jual beli, sewaan dan gadaian.
Buktikan bagaimana konsep at-Ta'awun terdapat dalam sewaan. [4 markah]

- 5 (a) Jelaskan **dua** sebab mengapakah al-Quran dan al-Hadis menjadi sumber rujukan utama perundangan Islam. [4 markah]
- (b) (i) Apakah maksud ijtihad? [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** matlamat ijtihad diharuskan dalam Islam. [4 markah]
- (c) Perbuatan makruh jika ditinggalkan mendapat pahala dan jika dilakukan tidak berdosa.
Mengapakah melakukan perbuatan tersebut tidak digalakkan dalam Islam?
Bincangkan. [4 markah]
- (d) Huraikan **dua** tanggungjawab suami bagi mengelakkan masalah sosial dalam kalangan ahli keluarganya. [4 markah]
- (e) Bagaimanakah anda membalas jasa ibu bapa anda dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai anak? [2 markah]

Firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah daripada Allah SWT.

(Surah al-Maidah: 38)

- 6 (a) Bincangkan bagaimanakah hukuman dalam ayat di atas dapat membendung jenayah pencerobohan harta. [4 markah]
- (b) Jelaskan **tiga** kesan kepada individu yang berdoa kepada Allah SWT. [6 markah]
- (c) (i) Terangkan **dua** cara Islam menjamin kecemerlangan dalam pendidikan. [4 markah]
(ii) Jelaskan **tiga** kesan terhadap individu yang ketinggalan dalam bidang pendidikan. [6 markah]

- 7 (a) Jelaskan **tiga** kepentingan harta terhadap pembangunan negara. [6 *markah*]
- (b) Pendapatan daripada sumber yang halal dapat menjamin keberkatan dan kesejahteraan sesebuah negara.
Nyatakan **dua** implikasi sekiranya pendapatan negara datangnya daripada sumber yang haram.
Bincangkan. [6 *markah*]
- (c) (i) Senaraikan **dua** contoh ibadat bagi setiap hukum berikut:
(a) wajib [2 *markah*]
(b) sunat [2 *markah*]
- (ii) Nyatakan **dua** perbezaan antara hukum wajib dengan sunat. [4 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT